

Dari Sebulan Ke Sebulan

Yā Ahl al-Qubūr! Sedarlah!

(Oleh: Abdullah Basmeh)

Judi loteri, demi sesungguhnya, telah menjadi satu fitnah yang besar dalam masyarakat Islam di Tanah Melayu hari ini.

Perpecahan yang berlaku di Kelantan, di Batu Pahat, di Muar dan di lain-lain tempat disebabkan masjid-masjid dan surau-surau yang telah didirikan daripada hasil judi loteri itu adalah menjadi sebesar-besar dalil yang tak dapat disangkal lagi tentang setakat mana maraknya fitnah itu.

Ada setengah orang pura-pura bertanya: selama ini kerajaan ada memungut hasil benda-benda yang haram seperti cukai arak, cukai babi dan cukai pajak gadai dan lain-lainnya iaitu sama haramnya seperti hasil loteri tetapi mengapa tidak dibantah, mengapa hanya loteri yang diheboh-hebohkan?

Jawapnya mudah: selama ini kita tidak pernah mendengar bahawa masjid di kampung anu dan surau di kampung anu didirikan daripada hasil babi atau hasil arak dan sebagainya. Tetapi yang kita dengar dan baca beritanya ialah bahawa masjid-masjid dan surau-surau yang tersebut didirikan daripada hasil loteri!

Kalau takdirnya ada ulama yang berani memesongkan hukum Allah lalu menghalalkan hasil arak dan babi untuk mendirikan masjid, sebagaimana mereka telah menghalalkan hasil loteri, maka sudah tentu akan dibantah

oleh umat Islam dan akan menentangya sebagaimana mereka menentang hasil loteri untuk dibuat masjid.

* * *

Soal Tetek Bengek?

Setengah juara-juara loteri cuba mengecil-ngecilkan soal ini dengan berkata, mengapa perkara loteri perkara yang hanya tetek bengek itu dibesar-besarkan sehingga kita berpecah belah?

Bagi menjawabnya kita suka bertanya:

Bagaimana satu perkara yang telah berlarut-larut dibahaskan oleh segenap lapisan masyarakat, dikatakan perkara tetek bengek?

Bagaimana satu perkara yang telah diseret-seret sehingga dibawa ke Majlis Tinggi Raja-raja Melayu tetapi belum juga selesai dan masih tersalai di awang-awang, dikatakan tetek bengek?

Ya ahl al-qubūr! Sedarlah!

* * *

Loteri Haram Dengan Ijmak!

Menurut apa yang telah tersiar di dalam akhbar tentang soal loteri, nyatalah bahawa kesemua mufti-mufti di seluruh Tanah Melayu mengharamkan loteri.

Dan kesemua mufti-mufti itu mengharamkan juga

wang hasil loteri (kecuali dua orang- Johor dan Terengganu).

Mufti-mufti Johor dan Terengganu, sungguhpun telah mengeluarkan fatwa menghalalkan wang hasil loteri tetapi mereka juga sekata mengharamkan loteri.

Jadi, tentang haramnya – loteri – telah ijmak mufti-mufti kita di seluruh Tanah Melayu mengharamkannya.

Malangnya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, dengan perbuatannya masih melancarkan loteri kebajikan masyarakat hingga hari ini, bermakna mengabaikan dan tidak mengambil endah sama sekali tentang fatwa rasmi mufti-mufti negeri-negeri Melayu di seluruh Persekutuan Tanah Melayu, yang menjadi punca yang tertinggi sekali dalam soal-soal agama di negara Tanah Melayu.

Di mana salahnya?

Salahnya sudah tentu tertimpa di atas batu jemala alim ulama kita yang rasmi dan yang tidak rasmi, terutama alim ulama yang hanya pandai mengeluarkan hujah-hujah lapuk untuk menghalalkan perkara yang haram, sedang perkara yang terang haramnya dengan nas kitab Allah dilanggar dan dilanyak-lanyak!

Mereka hanya pandai mengutik-ngutikkan lidah dengan mengatakan haram, dengan tidak bertindak mendesak kerajaan supaya perkara yang haram itu segera diberhentikan untuk menjaga keselamatan rakyat Islam daripada terceburlah ke dalamnya.

Mereka, dalam soal haramnya loteri hanya bersikap *salbī*¹, dan lemah tidak bermaya, sedang hati kecil mereka menjerit: *Nafsī! Nafsī!*

Tetapi dalam soal menghalalkan wang hasil loteri setengahnya bukan main segar dan garang, kerana bermuka-muka

dan hendak mencari kesempatan dan kedudukan yang baik di dunia.

Kalau kita ada alim ulama yang berani mempertahankan hukum Allah, sudah lama loteri dan angkaranya dan segala maksiat yang dijalankan oleh pemerintah secara rasmi itu telah hapus dan lenyap dari masyarakat kita.

Malangnya alim ulama yang berani itu tidak ada, bahkan banyak pula di antaranya yang hanya pandai menghalalkan yang haram dan membiarkan yang haram berkembang dan merebak.

Selagi loteri belum diharamkan, maka selama itulah pula soal halal wang hasilnya yang sedang bertimbun-timbun di pejabat lembaga loteri belum boleh dibahaskan apalagi terburu-buru mengeluarkan fatwa menghalalkannya.

Kalau pihak yang menganjurkan loteri pandai mencari jalan untuk menghalalkan wang hasilnya, maka mengapa mereka tidak lebih dahulu patuh menghormati dan melaksanakan fatwa yang mengharamkan loteri itu sendiri, yang telah difatwakan secara rasmi oleh kesemua mufti-mufti negeri Melayu dan telah ijmak pula mereka tentang haramnya?!

Inilah dia kesimpulan masalah ini dan inilah dia caranya yang sebenar-benarnya ilmiah.

Melompat ke dahan untuk memetik buah yang dikatakan halal, dengan tidak lebih dahulu memanjat dari pangkal pohonnya, yang sebenarnya bukanlah kerja alim ulama tetapi ialah telatah seorang “*bahlawān*” yakni ((badut di dalam sarkas)) yang mahir melompat tunggang balik: kepala ke bawah, kaki ke atas.

Inilah akibatnya ((ijtihad songsang)) yang berdasarkan *al-fiqh al-maqlūb!*

¹ Perkataan Arab, bermaksud ‘negatif’.